

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 09.12.2025 MASA: 4:00PTG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA
MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN
PENGUMPULAN MINYAK MASAK TERPAKAI DI
SEKOLAH-SEKOLAH PERINGKAT SEBERANG PERAI
BAGI TAHUN 2025 DENGAN KERJASAMA SYARIKAT
ARUS OIL

TARIKH / MASA / TEMPAT
10 DISEMBER 2025 (RABU)
2.45 PETANG

AUDITORIUM, MENARA BANDARAYA, MBSP
SEBERANG PERAI TENGAH

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

- 1. Yang Berusaha Dr Chatichai Chong**
Ketua Pengawai Pemasaran Arus Oil

 - 2. Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis**
Majlis Bandaraya Seberang Perai

 - 3. Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor**
Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaraya Seberang Perai

 - 4. Yang Berusaha Encik Ahmad Zabri Bin Mohamed Sarajudin**
Pengarah Perkhidmatan Perbandaran Merangkap
Penyelaras Program

 - 5. Pengawai-Pengawai Kanan**
Majlis Bandaraya Seberang Perai

 - 6. Yang Dihormati Guru-Guru dan Pelajar-Pelajar Sekolah**

 - 7. Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian**
-

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Petang, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia
MADANI,

1. *Alhamdulillah*, marilah kita bersama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya, kita dapat berhimpun pada petang yang penuh makna ini bagi **Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Pengumpulan Minyak Masak Terpakai Di Sekolah-Sekolah Peringkat Seberang Perai Bagi Tahun 2025 Dengan Kerjasama Syarikat Arus Oil**. Hari ini kita bukan sahaja meraikan para pemenang, tetapi kita meraikan bukti bahawa anak-anak Seberang Perai mampu mengubah dunia melalui tindakan kecil yang konsisten.
2. Setinggi-tinggi penghargaan saya rakamkan kepada pihak Arus Oil atas kesudian bekerjasama dengan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dalam menjayakan program ini. Kerjasama strategik seperti ini amat penting dalam menjalin hubungan erat antara pihak berkuasa tempatan, sektor industri dan institusi pendidikan demi membangunkan masyarakat yang celik alam sekitar.
3. Ucapan terima kasih saya juga kepada pentadbir sekolah, para guru pembimbing, para pelajar, panel penilai serta semua yang hadir atas

dedikasi dan sokongan yang tidak berbelah bahagi. Tanpa komitmen anda semua, usaha murni ini tidak mungkin dapat direalisasikan.

4. Pertandingan ini merupakan usaha bersama untuk memperkukuhkan pendidikan lestari di peringkat akar umbi. Melalui program ini, para pelajar dididik bukan sahaja tentang konsep kitar semula, tetapi juga mengenai **pengurusan sisa berjadual** seperti minyak masak terpakai yang jika tidak diuruskan dengan betul boleh mencemarkan sumber air, merosakkan sistem pembetungan dan menjejaskan ekosistem setempat.
5. Justeru, pendekatan ini bukan sekadar aktiviti kutipan, tetapi satu proses pembelajaran holistik yang menanam nilai tanggungjawab, integriti serta rasa cinta kepada alam sekitar. Bayangkan jika setiap rumah di Seberang Perai mengumpulkan hanya satu botol minyak masak terpakai setiap minggu; kita mampu mengurangkan pencemaran, memulihara sungai kita dan dalam masa yang sama membantu sekolah menjana manfaat ekonomi.
6. Saya dimaklumkan bahawa pertandingan ini telah diadakan mulai 1 Mei sehingga 31 Oktober 2025, dengan penyertaan sebanyak 20 buah sekolah rendah dan menengah di Seberang Perai. Penyertaan percuma, kemudahan tong minyak yang disumbangkan oleh pihak Arus Oil, serta proses penilaian yang telus berdasarkan berat minyak masak terpakai telah menjadikan pertandingan ini lebih menarik,

tersusun dan memberi kesan positif kepada budaya hijau di sekolah-sekolah kita.

7. Lebih membanggakan, minyak masak terpakai yang dikumpulkan dijual semula kepada Arus Oil dan hasil jualan diserahkan sepenuhnya kepada pihak sekolah; menunjukkan bahawa program ini turut memberi manfaat ekonomi dan boleh dijadikan aktiviti kelestarian yang mampan di masa hadapan.
8. Kepada para pelajar yang mengambil bahagian, saya ingin menyampaikan ucapan **tahniah** dan **rasa bangga** atas usaha gigih yang kamu tunjukkan. Setiap botol minyak yang kamu kumpulkan, setiap langkah kecil yang kamu ambil, adalah satu pelaburan untuk masa depan bumi ini. Ingatlah bahawa perubahan yang besar sering bermula daripada tindakan kecil yang konsisten. Semoga pengalaman ini menyemai minat yang lebih mendalam untuk menjaga alam sekitar dan menjadi agen perubahan di sekolah, di rumah dan dalam masyarakat.
9. Saya juga ingin menyeru agar sekolah-sekolah terus memperkukuhkan Pendidikan Alam Sekitar melalui pendekatan holistik dan inovatif. MBSP amat komited dalam usaha mencapai visi “Seberang Perai Berdaya Huni, Mampan, Inklusif, Hijau dan Kompetitif serta Bandar Pintar”, dan sudah tentu sokongan daripada sekolah sangat penting dalam membina generasi masa depan yang lebih

berpengetahuan dan bertanggungjawab. Besarlah harapan saya agar inisiatif seperti ini tidak terhenti setakat pertandingan, tetapi menjadi budaya berterusan selari dengan agenda bandaraya rendah karbon.

10. Akhir kata, saya merakamkan ucapan syabas kepada semua pemenang yang akan diumumkan seketika nanti. Namun, bagi saya, setiap sekolah yang menyertai pertandingan ini adalah pemenang, kerana saudara-saudari telah menunjukkan komitmen, disiplin dan kesungguhan ke arah pembangunan alam sekitar yang lestari.
11. Semoga usaha murni kita hari ini menjadi inspirasi kepada lebih banyak sekolah, lebih ramai pelajar dan lebih luas komuniti untuk terus mengamalkan gaya hidup hijau. Jika generasi muda hari ini sudah mampu memimpin amalan hijau, saya yakin masa depan Seberang Perai akan menjadi lebih bersih, lebih hijau dan lebih makmur.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.